UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN



## PROGRAM

# PRA-IJAZAH SAINS UMK

UMK SCIENCE PRE-DEGREE PROGRAM

**"peluang kedua melangkah ke UMK ada bersama kami"**

"grab your second chance with UMK"

## MATLAMAT PROGRAM

Program Pra-Ijazah Sains UMK (*UMK Science Pre Degree Program*) diwujudkan bagi membolehkan pelajar aliran sains tulen lepasan STPM Sains dan Matrikulasi Sains yang tidak memenuhi syarat kemasukan ke mana-mana program universiti untuk melalui pembelajaran intensif selama satu (1) semester di UMK Kampus Jeli.

Program ini akan menyediakan pelajar lepasan STPM dan Matrikulasi Sains dengan pengetahuan intensif dalam empat kursus sains iaitu Fizik, Kimia, Biologi dan Matematik untuk kemasukan ke program yang berasaskan sains di UMK.

**"peluang kedua melangkah ke UMK ada bersama kami"**

"grab your second chance with UMK"

# PRA-IJAZAH SAINS UMK
UMK SCIENCE PRE-DEGREE PROGRAM

# SYARAT KEMASUKAN

## Syarat **Umum**

- Terbuka kepada semua pelajar **lepasan STPM Sains** dan **Matrikulasi Sains** bagi **lima (5) tahun terkini**.
- **MUET** sekurang-kurangnya **BAND 2.**

## Syarat **lepasan STPM Sains**

- Pemohon mestilah memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Setaraf dengan mendapat kepujian **(Gred C) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia atau kepujian (Gred C) Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia Kertas Julai dan lulus dalam mata pelajaran Sejarah (SPM 2013 dan ke atas),** dan
- Lulus Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya **Gred C (NGMP 2.00) mata pelajaran Pengajian Am,** dan
- Lulus sebahagian iaitu dengan mendapat **sekurang-kurangnya Gred D (NGMP 1.00)** pada peringkat STPM dalam mana-mana satu (1) daripada mata pelajaran berikut:
  - Fizik, atau
  - Kimia, atau
  - Biologi atau
  - Matematik

## Syarat **lepasan Matrikulasi Sains**

- Pemohon mestilah memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Setaraf dengan mendapat kepujian **(Gred C) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia atau kepujian (Gred C) Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia Kertas Julai dan lulus dalam mata pelajaran Sejarah (SPM 2013 dan ke atas), dan**
- Lulus sebahagian iaitu dengan mendapat **sekurang-kurangnya Gred D (NGMP 1.00)** dalam peringkat Matrikulasi Sains bagi mana-mana satu (1) daripada matapelajaran berikut:
  - Fizik, atau
  - Kimia, atau
  - Biologi atau
  - Matematik



**"peluang kedua melangkah ke UMK ada bersama kami"**

"grab your second chance with UMK"

**PRA-IJAZAH SAINS UMK**
UMK SCIENCE PRE-DEGREE PROGRAM

# STRUKTUR PROGRAM

| KOD KURSUS | NAMA KURSUS | JAM KREDIT |
|---|---|---|
| MPT00103 | KIMIA | 3 |
| MPT00203 | MATEMATIK | 3 |
| MPT00303 | BIOLOGI | 3 |
| MPT00403 | FIZIK | 3 |
| | JUMLAH | 12 |

# STRUKTUR YURAN

| MAKLUMAT YURAN | JUMLAH (RM) |
|---|---|
| Yuran Pengajian | 350.00 |
| Yuran Penginapan | 400.00 |
| Insurans Kelompok | 25.00 |
| Yuran Perkhidmatan (Kemudahan ICT, Perpustakaan dan Kesihatan) | 60.00 |
| Yuran Aktiviti (Kebajikan) | 25.00 |
| JUMLAH | 860.00 |

# TEMPOH PENGAJIAN

Tempoh pengajian Program Pra Ijazah Sains UMK adalah selama **5 bulan (1 Semester).**

## Fakulti Dan Program Yang Terlibat

Senarai fakulti dan program yang terlibat dengan pengambilan pelajar lepasan Program Pra Ijazah Sains UMK adalah:

**01 : Fakulti Industri Asas Tani**
- Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Pembangunan Produk) Dengan Kepujian

**02 : Fakulti Sains Bumi**
- Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Sumber Asli) Dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Kelestarian Alam Sekitar) Dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Geosains) Dengan Kepujian

**03 : Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi**
- Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Bahan) Dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Sumber Hutan) Dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Bioindustri) Dengan Kepujian

# CARA MEMOHON

Permohonan kemasukan ke program ini adalah melalui **Universiti Malaysia Kelantan**

https://eduhub.umk.edu.my/intake

**"peluang kedua melangkah ke UMK ada bersama kami"**
"grab your second chance with UMK"

# FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQs)



| | |
|---|---|
| Permohonan | Bagaimanakah untuk memohon Program Pra-Ijazah Sains UMK? Adakah saya boleh memohon menerusi UMK atau emel? |
| | • Anda boleh memohon melalui https://eduhub.umk.edu.my/intake. Sebarang pertanyaan boleh emel terus kepada uspd@umk.edu.my. |
| Syarat Kemasukan | Apakah syarat kemasukan Program Pra-Ijazah Sains UMK? |
| | • Terbuka kepada semua pelajar lepasan STPM dan Matrikulasi Sains<br>• Kepujian (Gred C) Bahasa Melayu/Bahasa Melayu Kertas Julai dalam SPM<br>• Kepujian (Gred C) Sejarah dalam SPM<br>• Gred C (NGMP 2.00) Pengajian Am bagi lepasan STPM<br>• Sekurang-kurangnya 1 Gred D dalam mata pelajaran Fizik/Kimia/Biologi/Matematik dalam STPM/Matrikulasi<br>• MUET sekurang-kurangnya BAND 2 |
| | Adakah permohonan hanya terbuka kepada lepasan STPM/Matrikulasi aliran sains sahaja? |
| | • Ya |
| Keputusan Permohonan | Bagaimanakah untuk saya menyemak keputusan permohonan ke Program Pra-Ijazah Sains UMK? |
| | • Pemohon boleh menyemak status permohonan melalui https://eduhub.umk.edu.my/intake. Pemohon yang berjaya akan dihubungi melalui email. |
| | Adakah saya akan dijamin mendapat tempat sekiranya memohon Program Pra-Ijazah Sains UMK? |
| | • Keputusan permohonan adalah tertakluk kepada syarat kemasukan, unjuran pengambilan pelajar dan mesyuarat pengambilan pelajar Universiti. |



**"peluang kedua melangkah ke UMK ada bersama kami"**

"grab your second chance with UMK"

# FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQs)



| | | |
|---|---|---|
| Yuran Pengajian | Berapakah yuran pengajian Program Pra-Ijazah Sains UMK? | • Yuran pengajian Program Pra-Ijazah Sains UMK adalah RM 825.00 sepanjang satu (1) semester pengajian. |
| | Adakah yuran pengajian Program Pra-Ijazah Sains UMK ditaja sepenuhnya oleh UMK? | • Yuran pengajian adalah tajaan pelajar sepenuhnya. |
| | Adakah yuran pengajian Program Pra-Ijazah Sains UMK termasuk yuran penginapan? | • Yuran penginapan adalah termasuk dalam Yuran Pengajian (RM 400.00) sepanjang satu (1) semester pengajian. |
| Pengajian di UMK | Di manakah tempat pengajian bagi pelajar Program Pra-Ijazah Sains UMK? | • Universiti Malaysia Kelantan Kampus Jeli,<br>17600 Jeli,<br>Kelantan<br>• Laman web Program Pra-Ijazah Sains UMK: http://fsb.umk.edu.my/bm/pra-ijazah-sains.cfm<br>• Laman web UMK Kampus Jeli: https://kampusjeli.umk.edu.my/ |
| | Adakah kediaman pelajar Pra-Ijazah Sains UMK disediakan oleh UMK? | • Pelajar program Pra-Ijazah Sains UMK akan menginap di Kolej Kediaman UMK Kampus Jeli. |
| | Berapa lamakah tempoh pengajian Program Pra-Ijazah Sains UMK? | • Tempoh pengajian adalah SATU (1) semester. |
| Selepas tamat pengajian | Adakah pelajar lepasan Pra-Ijazah Sains UMK boleh memohon menyambung pengajian ke IPTA lain selain daripada UMK? | • Pelajar lepasan Pra-Ijazah Sains UMK adalah graduan khusus yang telah menjalani proses persediaan bagi menyambung pengajian peringkat prasiswazah di UMK.<br>• Pelajar lepasan Pra-Ijazah Sains UMK hanya layak memohon program pengajian yang disenaraikan oleh UMK. |

# FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQs)



| | |
|---|---|
| Maklumat Pengajian | Apakah pilihan program pengajian prasiswazah yang layak dimohon oleh lepasan Pra-Ijazah Sains UMK? |
| | • Lepasan Pra-Ijazah Sains UMK boleh memohon pilihan program pengajian berikut dan tertakluk kepada syarat khas program:<br><br>Fakulti Sains Bumi (http://fsb.umk.edu.my/)<br>1. Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Sumber Asli) dengan Kepujian<br>2. Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Kelestarian Alam Sekitar) dengan Kepujian<br>3. Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Geosains) dengan Kepujian<br><br>Fakulti Industri Asas Tani (https://fiat.umk.edu.my/index.cfm)<br>1. Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Pembangunan Produk) dengan Kepujian<br><br>Fakulti Biokejuruteraan & Teknologi (https://fbkt.umk.edu.my/)<br>1. Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Bahan) dengan Kepujian<br>2. Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Sumber Hutan) dengan Kepujian<br>3. Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Bioindustri) dengan Kepujian |
| | Adakah lepasan Pra-Ijazah Sains UMK dijamin mendapat pilihan program pengajian di UMK? |
| | • Untuk menyambung ke program prasiswazah pilihan di UMK, pelajar perlu lulus program Pra-Ijazah dengan CGPA >2.00 dan pilihan program pertama diberi keutamaan, walau bagaimanapun ianya tertakluk kepada markah merit pelajar dan quota bagi setiap program prasiswazah yang dipilih. Keputusan muktamad adalah melalui persetujuaan jawatan kuasa pemilihan peringkat fakulti dan universiti. |
| Lain-lain maklumat berkaitan | Laman web UMK: http://www.umk.edu.my/en/<br>Media Sosial Jabatan Persediaan Sains UMK<br>• Facebook<br>• Twitter<br>• Instagram<br>• YouTube |

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

# PROGRAM PRA-IJAZAH SAINS UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## UMK SCIENCE PRE-DEGREE PROGRAM

*"grab your second chance with UMK"*

*"peluang kedua melangkah ke UMK ada bersama kami"*

**Permohonan kemasukan ke program ini adalah melalui:**

**https://eduhub.umk.edu.my/intake**

**Kini dibuka sehingga 28 Ogos 2023**

**Semakan keputusan permohonan pada 09 September 2023**

OfficialUMK umk.edu.my

ENTREPRENEURSHIP is our thrust

Kita #BinaLegasiUMK Bersama

#WeAreUMKFamily #OneUMKOneDream

**Hubungi:**

: 09-947 7206

: uspd@umk.edu.my

Telegram : https://t.me/praijazahsainsumk

**"peluang kedua melangkah ke UMK ada bersama kami"**

"grab your second chance with UMK"